

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI**

**TARIKH : 10.06.2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apa kaedah-kaedah pencegahan lebih ketat dan tegas yang telah diambil untuk menghentikan salah urus kewangan dan rasuah di semua Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan atau lebih dikenali sebagai GTP telah mengenalpasti pelbagai inisiatif untuk dilaksanakan bagi meningkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti dalam jentera pentadbiran kerajaan.

Bermula dengan penubuhan Unit Pematuhan di lima agensi utama negara iaitu SPRM, PDRM, KDRM, JIM dan JPJ, ia kemudiannya diperluas dan diperkasakan dengan penubuhan Unit Integriti di seluruh agensi awam yang sehingga kini berjumlah 866 agensi melalui Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 6 Tahun 2013.

Disamping itu juga, usaha mempertingkatkan integriti di kalangan penjawat awam dan swasta telah bermula sejak tahun 2010 oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia dan Institut Integriti Malaysia melalui Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO). Pegawai-pegawai yang telah ditauliahkan inilah yang menerajui Unit Integriti di organisasi masing-masing. Sehingga kini lebih 200 pegawai telah ditauliahkan.

Inisiatif penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat Persekutuan dan Negeri telah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Objektif penubuhannya adalah untuk menyatupadukan semua pengurusan

hal-hal berkaitan dengan integriti di bawah satu unit khusus supaya inisiatif-inisiatif penginstitutionan integriti berdasarkan enam fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tata tertib.

Di samping itu, Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) telah ditubuhkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2014 pada 3 Jun 2014. Pelaksanaan JITU adalah menyeluruh melibatkan peringkat Kementerian, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan juga agensi-agensi penguatkuasaan. Ia juga dilaksanakan bermula dari peringkat daerah dengan agensi yang kecil sehingga ke peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat Kebangsaan merentasi agensi Persekutuan dan Negeri.

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi menggantikan pelaksanaan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009. JITU telah distrukturkan dengan cara yang strategik bagi menangani isu-isu tadbir urus dan integriti termasuklah isu ketirisan wang Kerajaan.

Fokus utama JITU buat beberapa tahun ini adalah penyelesaian terhadap teguran yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), isu ketidak patuhan yang ditemui oleh Juru Audit Dalam serta aduan awam terhadap pegawai dan kakitangan organisasi.

JITU memberi fokus kepada sasaran dan juga pencapaian, bukan sekadar mencadangkan penambahbaikan tetapi organisasi perlu memikirkan apakah mekanisma yang terbaik bagi menyelesaikan permasalahan yang wujud dalam organisasi mereka.

Selain daripada itu, Institut Integriti Malaysia (IIM) turut melaksanakan pelbagai program dan aktiviti termasuk latihan, seminar, kursus, bengkel, konsultansi, kajian dan penerbitan kearah menjadikan rakyat dan negara yang berintegriti. Pemantapan dan pembudayaan integriti setiap individu amat penting bagi melahirkan warga yang lebih bertanggung jawab serta mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menjauhi dan bekerjasama memerangi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Sekian, terima kasih.